

10 FEB 2003

Mahathir-Boleh/I (Bergambar)

"MALAYSIA BOLEH" BUKAN SEKADAR SLOGAN KOSONG, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Feb (bernama) -- "Malaysia Boleh", slogan yang menggalakkan rakyat Malaysia melakukan hampir apa sahaja yang mungkin, bukan lagi sekadar slogan kosong kerana ia benar-benar dihayati mereka malahan termasuk orang asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata slogan itu sebenarnya telah menjadikan rakyat Malaysia cuba melakukan yang terbaik dan melakukannya lebih baik daripada orang lain.

"Ia adalah keadaan fikiran, fikiran yang dilahirkan, dibuat untuk perubahan agar kita boleh lakukan apa sahaja yang kita mahukan," katanya ketika berucap kepada kira-kira 800 tetamu pada jamuan malam Institut Pengarah-pengarah Malaysia 2003 di sini malam ini.

Mengucapkan terima kasih kepada pelaksana-pelaksana dan mereka yang telah melaksanakan semua arahan yang diberikan kepada mereka, Dr Mahathir berkata sesetengah orang termasuk ketua pegawai eksekutif dan orang ramai terutamanya agak sangsi mengenai penerokaan baru ekoran kegagalan mereka untuk memahaminya atau mereka berpendapat ia mustahil dilakukan.

Memberikan contoh akan kesangsian rakyat Malaysia terhadap projek kereta nasional, beliau berkata kini telah terbukti bahawa Malaysia boleh mengeluarkan kereta nasionalnya sendiri.

"Selalunya terdapat banyak kesangsian, sekurang-kurangnya itu yang dialami saya apabila kita mencadangkan sesuatu atau saya cadangkan sesuatu. Mereka yang sepatut melaksanakannya amat sangsi dengannya, orang ramai juga amat sangsi, dan akhbar-akhbar yang paling sangsi, mereka tidak pernah setuju bahawa kita mampu melakukan apa-apa pun," katanya.

Dengan mengumpulkan beberapa orang untuk melaksanakan projek kereta nasional pada awalnya, beliau berkata idea untuk mempunyai industri berat itu kini berkembang dengan hampir 80 peratus kenderaan di jalan kini adalah buatan Malaysia.

Dr Mahathir juga memberikan contoh perlumbaan Le Tour de Langkawi (LTdl) yang pada mulanya hanya dirancang diadakan di Langkawi tetapi telah bertukar menjadi acara nasional dengan status antarabangsa, perlumbaan basikal terbaik di luar Eropah.

Beliau berkata perlumbaan itu, siri kelapan yang berakhir semalam di Dataran Merdeka, sebenarnya ialah satu pelaburan yang amat baik bagi negara dan juga berjaya mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancong.

Perdana Menteri yang digelar CEO Malaysia Incorporated, menyatakan bahawa perkara itu tidak memberi banyak makna kerana apa yang CEO lakukan sebenarnya hanya membuat keputusan dan mengarahkan orang lain melaksanakan keputusan itu.

"Bahagian pelaksanaan, mereka yang bekerja di bawah CEO, mereka adalah CEO sebenar. CEO bukannya seorang eksekutif, beliau adalah orang yang memberi arahan... Tanpa mereka ini, apalah CEO," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia bertuah kerana mempunyai orang-orang yang boleh melaksanakan arahan.

Menyatakan bahawa beliau sebenarnya amat berbesar hati dengan semua pujian dan kata-kata manis yang diberikan kepadanya, Perdana Menteri berkata banyak yang telah diperkatakan mengenai dirinya dan Malaysia sejak 20 tahun lepas, sejak beliau menjadi perdana menteri.

Mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin terdahulu, Dr Mahathir berkata beliau telah mewarisi sistem pentadbiran terbaik daripada mereka semua, bermula daripada Perdana Menteri pertama Malaysia Tunku Abdul Rahman

Putra Alhaj sehingga ke allahyarham Tun Hussein Onn.

Beliau berkata Tunku Abdul Rahman telah meletakkan asas mengenai bagaimana semua bangsa di Malaysia boleh bekerjasama dan mengilhamkan idea bagi parti gabungan.

"Prapilihan raya kerajaan gabungan yang dibentuk oleh Tunku Abdul Rahman dan diperluaskan lagi oleh allahyarham Tun Abdul Razak ke dalam Barisan Nasional, dan sejak itulah mudah untuk kita menang dengan majoriti dua pertiga," katanya.

Dr Mahathir Malaysia telah mendapat banyak manfaat daripada sistem gabungan itu dan ia merupakan asas yang amat baik bagi negara.

"Saya mewarisi sebuah kerajaan yang amat baik dan saya telah cuba memanfaatkan kuasa yang kita ada dan bahawa semua keputusan yang saya telah buat kini telah dilaksanakan dan membolehkan kita mencapai kemajuan dengan baik," katanya.

-- BERNAMA

HS HS RHM